

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGGUNAAN KENDERAAN YANG MEMBAWA PETUGAS KESIHATAN SEMASA WABAK COVID-19

1. Pengenalan

Pengurusan pengangkutan petugas kesihatan adalah penting bagi memastikan petugas dapat sampai ke destinasi pada waktunya dengan selamat agar perkhidmatan kesihatan kepada rakyat berjalan lancar. Kenderaan merupakan *confined space* dan berpotensi untuk meningkatkan risiko penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19.

Oleh itu, SOP ini diharap dapat membantu dalam memberi panduan bagi mengawal penularan COVID-19. Pematuhan terhadap amalan 3W (Wash, Wear & Warn) juga perlu diberi penekanan. SOP ini akan dikemaskini dari masa ke semasa mengikut perkembangan terkini.

2. Skop

SOP ini perlulah dipatuhi oleh:

- a. Semua fasiliti kesihatan atau organisasi seperti hospital, institusi perubatan, klinik kesihatan atau pejabat yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada petugas kesihatan.
- b. Pemandu kenderaan (pemandu KKM ataupun pemandu dari penyumberan luar/*outsourced*).
- c. Petugas kesihatan yang menggunakan perkhidmatan kenderaan.

3. Tindakan yang perlu dilaksanakan

3.1 Tindakan yang perlu dilaksanakan oleh fasiliti kesihatan yang memberikan perkhidmatan pengangkutan

- a. Menyediakan kenderaan yang sesuai mengikut bilangan penumpang dan memastikan penjarakan fizikal dapat dipatuhi (kenderaan tidak sesak).
- b. Mengenalpasti pemandu yang sesuai - tidak bergejala dan mempunyai rekod pemanduan yang baik.
- c. Menyediakan *hand sanitizer* di dalam kenderaan.
- d. Menyediakan *disinfectant* yang bersesuaian bagi tujuan disinfeksi kenderaan selepas digunakan.
- e. Memastikan kenderaan dibersihkan dan didisinfeksi setiap kali selepas penggunaan seperti saranan sedia ada.

3.2 Tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pemandu

- a. Sihat dan tidak bergejala semasa menjalankan tugas.
- b. Sentiasa memakai *surgical mask* sepanjang interaksi dengan petugas kesihatan dan sepanjang perjalanan.
- c. Kerap mencuci tangan (menggunakan *hand sanitizer*).
- d. Mengamalkan kebersihan diri.
- e. Tingkap kenderaan dibuka sepanjang perjalanan bagi memastikan aliran pengudaraan yang baik.
- f. Jika perlu menggunakan pendingin hawa, turunkan tingkap lebih kurang 3 cm dan gunakan *fresh air intake mode*.
- g. Mengurangkan interaksi bersemuka dengan individu lain yang berada di dalam kenderaan.
- h. Melakukan **disinfeksi ke atas permukaan yang kerap disentuh** seperti pemegang pintu kenderaan, tempat duduk dan *car door assist handle* selepas selesai proses penghantaran penumpang.

3.3 Tindakan yang perlu dilaksanakan oleh petugas kesihatan

- a. Sihat dan tidak bergejala semasa menjalankan tugas.
- b. Sentiasa memakai *surgical mask* sepanjang berada di dalam kenderaan.
- c. Kerap mencuci tangan (menggunakan *hand sanitizer*).
- d. Mengamalkan kebersihan diri.
- e. Mengamalkan penjarakan fizikal di dalam kenderaan.
- f. Tidak makan di dalam kenderaan.
- g. Mengurangkan interaksi bersemuka dengan individu lain yang berada di dalam kenderaan.
- h. Pematuhan terhadap SOP.
- i. Semua fasiliti kesihatan KKM dan petugas kesihatan perlu mematuhi arahan terkini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa yang berkaitan.